

Jenis Akhbar : Suara Sarawak
Tarikh : 13/07/2026
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 1
Tajuk : Kadar dividen KOPERKASA meningkat



ZAIDI Pathi mempengerusikan sidang media di Kuching, semalam.

Kadar dividen KOPERKASA meningkat

MARCELLA NATHASIA

KUCHING: Kadar dividen Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) meningkat daripada 8.10 peratus tahun lalu kepada 8.15 peratus tahun ini dengan pulangan simpanan berjumlah RM4.3 juta kepada kira-kira 25,000 anggotanya.

Pengerusinya, Zaidi Pathi berkata, pengagihan dividen dan pulangan atas simpanan itu mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-72 pada 13 Jun 2026.

Menurutnya, dividen modal syer ditetapkan pada kadar 5.60 peratus, membabitkan pembayaran berjumlah RM3,232,740.

"Dividen modal yuran bulanan pula ditetapkan pada kadar 1.30 peratus berjumlah RM851,161, manakala pulangan atas simpanan peribadi sebanyak 1.25 peratus melibatkan RM218,269.

"Jumlah keseluruhan kadar dividen dan pulangan ialah 8.15 peratus, membabitkan nilai kewangan RM4,302,170 untuk kira-kira 25,000 anggota di seluruh Sarawak," katanya pada sidang media pengumuman dividen KOPERKASA di Ibu Pejabat KOPERKASA, semalam.

Beliau menambah, agihan itu mencerminkan prestasi kewangan yang kukuh serta komitmen berterusan KOPERKASA untuk memberikan pulangan mampan dan berpatutan kepada anggota.

"Pencapaian ini merupakan hasil pengurusan kewangan berhemah, tadbir urus berkesan serta kerjasama erat antara pihak pengurusan dengan kakitangan.

"Selain itu, sokongan padu daripada anggota serta bimbingan dan kepimpinan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) turut menjadi faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian ini.

"Bagi pihak ALK, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas kepercayaan dan sokongan berterusan yang diberikan kepada KOPERKASA," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, jelasnya, peningkatan kadar dividen tahun ini didorong

oleh keuntungan daripada aktiviti pembiayaan, Ar-Rahnu, perniagaan emas dan sewaan bangunan milik koperasi.

"Kita menambah baik bangunan yang dimiliki sebelum menyewakannya dan hasil sewaan itu turut menjadi sebahagian daripada pendapatan KOPERKASA tahun lalu," kongsi.

Justeru, tegasnya, KOPERKASA akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta memperkenalkan pelbagai inisiatif strategik yang memberi manfaat dan nilai tambah kepada anggota.

Dalam pada itu, katanya, anggota boleh membuat

pengeluaran dividen dan pulangan atas simpanan peribadi mulai 13 Julai 2026 melalui portal myKOPERKASA selepas mendaftar sebagai pengguna.

"Anggota juga boleh mengemukakan Borang Permohonan Pengeluaran Dividen yang boleh diperoleh di semua pejabat KOPERKASA di seluruh Sarawak atau dimuat turun menerusi laman sesawang di www.koperkasa.com.my.

"Bagaimanapun, sekiranya tiada permohonan pengeluaran diterima, dividen yang diisytiharkan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun simpanan peribadi anggota dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengisytiharan," tambahnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA